

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif adalah individu yang layak menggalas tanggungjawab sebagai Datuk Bandar dan mengemudi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Beliau percaya Maimunah mampu melaksanakan amanah itu berdasarkan pengalaman hampir empat dekadnya dalam perancangan bandar dan pembangunan komuniti tatkala mengetuai pelbagai institusi sama ada di dalam mahupun luar negara.

## ***PM yakin kemampuan Maimunah berdasarkan pengalaman 4 dekad***

Menurutnya, Maimunah pernah berkhidmat sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (kini MBSP) selain Presiden Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (Mala).

“Lebih membanggakan, beliau pernah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Persidangan Program Penempatan Manusia Pertu-

buan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-Habitat) berpusat di Nairobi, Kenya, satu-satunya wanita Asia memegang jawatan ini.

“Moga pengalaman hebat yang dimiliki ini akan digunakan untuk memperbaiki taraf kehidupan warga Kuala Lumpur serta mengangkat imej, reputasi dan martabat bandar raya ini ke peringkat lebih tinggi, insya-Allah,” katanya u menerusi hantaran di Fa-

cebook, malam kelmarin.

Pelantikan Maimunah, 63, berkuat kuasa semalam menggantikan Datuk Kamarulzaman Mat Salleh, yang bersara wajib.

Terdahulu, Perdana Menteri menyerahkan surat pelantikan kepada Maimunah selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim selaras dengan Subseksyen 4(2) Akta Ibu Kota Persekutuan 1960.